


PROGRAM KESUSASTERAAAN MELAYU

NILAI-NILAI DARI PERSPEKTIF MASYARAKAT MELAYU DALAM KARYA AGUNG SEJARAH MELAYU

OLEH

MAT ZIN BIN MANUN

Kertas projek ini telah diterima oleh Program Kesusasteraan Melayu untuk memenuhi
sebahagian keperluan Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu pada sesi 2008/2009



Pensyarah Pembimbing

Tarikh

Dr.Hj.Talib Samat
Pensyarah Kesusasteraan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

**NELAI-NILAI DARI PERSPEKTIF MASYARAKAT MELAYU
DALAM KARYA AGUNG
SEJARAH MELAYU**

MAT ZIN BIN MANUN

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM, PERAK DARUL RIDZUAN.**

2009

|
|

PENGAKUAN

Saya mengaku penulisan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

06.04.2009



Tandatangan
MAT ZIN BIN MANUN
M20072000584

DEDIKASI

PENSYARAH

Buat pensyarah
Tenaga pengajar
Program Kesusasteraan Melayu
Jasa kalian terpahat di hati
Pencetus ilmu yang kekal dan abadi.

IBU dan BAPA...

Buat kedua-duanya
Jasa kalian tidak ternilai

ISTERI

Buat isteri tercinta Noor Risah bt. Abd Karim
Dorongan dan kesabaran serta pengorbananmu sungguh mulia

ANAK-ANAK

Mohd Syahril
Mohammad Izzham
Nur Amira Balqis
Kau sumber ilham ku.

Mat Zin Bin Manun,
Sarjana Pendidikan Kesusasteraan Melayu,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjung Malim,
Perak Darul Ridzuan.
2009

ABSTRAK

Kertas projek ini merupakan kajian ilmiah mengenai nilai-nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam karya agung *Sejarah Melayu*.. Kajian ini dibataskan kepada teks *Sejarah Melayu* yang diusahakan oleh W.G. Shellabear. Untuk Kajian ini perkembangan dimulai dengan penjelasan tentang pengertian nilai dalam karya kesusasteraan, konsep dan kepentingan nilai dalam usaha menilai tahap sesuatu bangsa, khususnya bangsa Melayu dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Kajian kemudian diikuti dengan selang pandang tentang Tun Sri Lanang sebagai penyusun dan pengkarya *Sejarah Melayu* . Seterusnya kajian menganalisa tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang terdiri daripada golongan bangsawan dan golongan rakyat biasa termasuklah golongan ulama dan wanita sewaktu zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka. Kajian akan diakhiri dengan kesimpulan yang menunjukkan bahawa nilai-nilai yang ditunjukkan oleh masyarakat Melayu dalam *Sejarah Melayu* memang mempunyai matlamat dan tujuan tersendiri. Inilah yang cuba dikupas oleh pengkaji dalam usaha memartabatkan *Sejarah Melayu* sebagai sebuah hasil Kesusasteraan Melayu yang tersendiri di samping berusaha untuk mendokumentasi dan mengimbuai kembali kehebatan budi pekerti bangsa Melayu pada zaman dahulu.

ABSTRACT

This project paper is educational study of the values in Malay community a masterpiece in *Malay History* literary text. The study is confined to the *Sejarah Melayu* text which was refined by Muhammad Haji Salleh. For the purpose of this study, the discussion will begin with the understanding of the term values in literature, the concept and importance of values in determining the status of a certain race especially the Malays in their daily life. Overview this study is then followed by a brief of Tun Sri Lanang as the author of the text *Sejarah Melayu*. Then this study analyses the social values that encompasses the elite and commoners in the Malay society, which include the religious group or 'ulama' and the women during the rule of the Malacca Sultanate.. This study will be wrapped up with the conclusion showing that the values present in the Malays culture as shown in *Sejarah Melayu*, truly had its own vision and mission. This is what the writer is trying to reveal and highlight. *Sejarah Melayu* is a true Malay literature by itself. It is also an effort to document and flashback on the Malay identity in the earlier days.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	11
PENGHARGAAN	iii
DEDIKASI	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kepentingan Kajian	2
1.3 Masalah Kajian	3
1.4 Tujuan Kajian	3
1.5 Batas Kajian	4
1.6 Kaedah Kajian	5

BAB 2	NILAI DALAM KARYA KESUSASTERAAN	6
2.1	Pengenalan	6
2.2	Kesusasteraan Dan Sifat-sifatnya	8
2.3	Apakah yang Dimaksudkan Dengan Pendidikan	9
2.4	Pendidikan Melalui Sastera	13
2.5	Konsep Pendidikan Moral	18
2.6	Kepentingan Nilai-nilai Murni	19
2.6.1	Apakah Nilai	21
2.6.2	Konsep Nilai	23
2.6.3	Memupuk Nilai Melalui Falsafah	23
2.6.4	Nilai Budaya	24
2.6.5	Nilai Agama	25
2.6.6	Nilai Murni	26
2.6.7	Kepentingan Nilai Murni Dalam Sastera	26
2.6.8	Pengertian Moral	27
2.6.9	Rumusan	28

BAB 3 LATAR BELAKANG PENGARANG DAN KARYANYA	30
3.1 Tun Seri Lanang Pengarang sejarah Melayu	30
3.2 Latar Belakang Sejarah Melayu	33
3.3 Rumusan	41
BAB 4 ASPEK NILAI DALAM SEJARAH MELAYU	44
4.1 Definisi Tajuk	44
4.2 Nilai-nilai Masyarakat Melayu dalam Sejarah Melayu	46
4.2.1 Nilai-nilai Pada Golongan Rakyat	51
4.2.2 Nilai-nilai Pada Golongan wanita	66
4.2.3 Nilai-nilai Pada Golongan Pemerintah	71
4.2.4 Nilai-nilai Dalam Hubungan Pemerintah dan Rakyat	78
BAB 5 PENUTUP	85
BIBLIOGRAFI	93

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejarah Melayu merupakan karya sastra Klasik yang bukan sahaja memaparkan keagungan dan kegemilangan kerajaan Melayu serta raja-raja Melayu, malah ia juga mencerminkan kecemerlangan dan keagungan bangsa Melayu itu sendiri. Pada tahun 1821, *sejarah Melayu* mendapat perhatian khas sarjana Barat, iaitu Kohn Leyden, iaitu orang pertama yang menterjemahkan *Sejarah Melayu* ke dalam bahasa Inggeris.

Sejarah Melayu di dalamnya mengandungi beberapa tujuan. Salah satu daripadanya ialah untuk menegaskan susur-galur keturunan raja-raja Melaka-Johor adalah dari keturunan Iskandar Dzul-Karnain (Iskandar Yang Agung) dan Melayu dari Bukit Siguntang. Tujuan kedua ialah untuk memastikan bahawa tradisi istana Melaka ditadbir dan dipelihara dengan baik dalam pemerintahan Johor pada abad ketujuh belas. Tegasnya, *Sejarah Melayu* boleh diklasifikasikan secara luas sebagai teks berasaskan istana tentang kesahan raja disamping mendokumentasi institusi istana.

Sejarah Melayu sebagai sebuah karya prosa sastera telah merekodkan sejarah dan kebudayaan masyarakat Melayu dengan sempurna. Sehubungan dengan itu, dalam masa yang sama *Sejarah Melayu* merupakan bahan dokumentasi untuk melihat corak kehidupan masyarakat Melayu dan peristiwa-peristiwa yang digambarkan dalam karya tersebut. Dalam penulisan dan penyusunan semula yang dilakukan oleh Tun Seri Lanang sebagaimana diarahkan oleh Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah supaya memperbaiki Hikayat Melayu yang dibawa dari Goa, India itu. Karya Agung *Sejarah Melayu* di dalamnya terkandung tentang nilai-nilai yang akan dikaji iaitu nilai masyarakat Melayu yang boleh dijadikan panduan dan pengajaran kepada masyarakat Melayu pada masa kini.

1.2 Kepentingan Kajian

Sejarah Melayu sebagai sebuah karya agung masyarakat Melayu tidak boleh dipandang rendah. Sebagai sebuah hasil sastera tradisional, ia harus diteliti dari perspektif zamannya semasa ia ditulis. Para pengkaji dan sarjana Barat tertarik dengan *Sejarah Melayu* kerana ia menarik untuk dikaji dan mempunyai nilai sastera dan sejarah yang sangat tinggi. *Sejarah Melayu* merupakan sumber penting bagi pengkaji sejarah alam Melayu umumnya dan negeri Melaka khususnya. Sebelum Kejatuhan kesultanan Melaka

ditangan Portugis belum ada satu buku atau manuskrip yang boleh dijadikan bukti mengkaji kehidupan masyarakat Melayu Melaka selain daripada apa yang terkandung dalam karya Agung *Sejarah Melayu*. Kehebatan dan keagungan *Sejarah Melayu* dapat diterapkan dalam pendidikan Kesusasteraan Melayu bahawa teks ini wajar diketahui oleh khalayak pembaca. Karya ini perlu dikaji terutama dari aspek pendidikan kerana di dalamnya mengandungi segala pengajaran yang berguna sama ada tersurat dan tersirat.

1.3 Masalah Kajian

Orientalis-orientalis Barat menolak *Sejarah Melayu* sebagai sebuah karya tradisional Melayu yang hebat sebagai sastera sejarah. Mereka mendakwa karya agung *Sejarah Melayu* lebih merupakan mitos yang sengaja diada-adakan dan fakta sejarah didalamnya tidak tepat yang dijadikan asas jalan ceritanya. J.C. Bottoms mengatakan bahawa *Sejarah Melayu* merupakan bahan bacaan orang-orang Melayu dan dijadikan sebagai hiburan sahaja. Kajian yang dijalankan selanjutnya menolak sama sekali pendapat orientalis Barat.

1.4 Tujuan Kajian

Untuk menjawab masalah itu kertas projek ini berhasrat mengkaji dan mendalami karya agung *Sejarah Melayu* dari sudut sastera dan pendidikan iaitu:

- a) Meneliti sejarah penulis teks Tun Seri Lanang yang dapat dibungkaitkan dengan *Sejarah Melayu*.
- b) Meneliti nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*,
- c) Meneliti nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*.
- d) Mencari nilai-nilai murni yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*.
- e) Memartabatkan kedudukan *Sejarah Melayu* dalam subjek Kesusasteraan Melayu.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada:

- a) Teks *Sejarah Melayu* yang diusahakan oleh W.G. Shellabear.
- b) Mengutarakan secara terperinci nilai-nilai masyarakat Melayu yang terkandung dalam *Sejarah Melayu*.
- c) Meletakkan kedudukan *Sejarah Melayu* sebagai Khazanah sastera Melayu klasik yang tidak ternilai harganya dari perspektif Kesusasteraan Melayu.

1.6 Kaedah Kajian

TUntuk mencapai tujuan di atas, kaedah yang digunakan ialah kaedah perpustakaan iaitu:

- a) Membataskan bahan kajian iaitu teks *Sejarah Melayu* yang diusahakan oleh W.G. Shellabear.
- b) Membaca *Sejarah Melayu* sebagai karya seni.
- c) Mencari pelbagai sumber tulisan mengenai *Sejarah Melayu*.
- d) Mencari nilai-nilai masyarakat Melayu yang terdapat di dalam teks *Sejarah Melayu* melalui teknik strukturalnya.
- e) Membaca bahan-bahan bacaan yang menyentuh hal-hal pendidikan dan nilai-nilai kemanusiaan serta nilai-nilai murni.
- f) Membuat analisis *Sejarah Melayu* dari sudut kesusasteraan dan pendidikan.

Sebelum kita menganalisa karya agung *Sejarah Melayu* dari segi karya seni dan dari sudut pendidikan, terlebih dahulu kita teliti hubungan sastera dengan pendidikan.

BAB 2

NILAI DALAM KARYA KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan

Dalam pengkajian kesusasteraan Melayu, definisi kesusasteraan selalunya dihubungkan dengan asal usul perkataan kesusasteraan. Perkataan 'sastera' berasal daripada bahasa Sanskrita sastra, disebut syastra, yang bererti kitab suci. . Susastra membawa erti seni sastera atau seni bahasa, dan secara umumnya dimaksudkan persuratan. Tambahan *he* di awal dan *an* di akhir kata *susastra* menyimpulkan maksud yang terdekat, iaitu kesenian persuratan yang bersifat halus atau indah. Oleh yang demikian, dalam perkembangan pengajian kesusasteraan Melayu, istilah 'persuaratan' digunakan bagi menjelaskan sekumpulan hasil seni bahasa. Oleh sebab itu, pandangan umum menerima hasil yang tertulis itu sebagai lebih tinggi nilainya daripada hasil lisan (All Ahmad, 1994: 3-4).

Menurut Hamzah Hamdani pula (1998: 19-20) kesusasteraan itu merupakan bidang yang begitu umum dan diperkatakan oleh begitu ramai penulis dan pembicara. Oleh itu ia tetap hidup dan mengenai semua manusia, ia menjadi bahan bicara ramai, sastera dibicarakan oleh para wartawan, orang politik, orang agama dan ahli akademik sendiri. Selalunya juga ia menjadi alat kepada mereka yang melihat kesempatan menggunakan sastera untuk kepentingan tertentu.

Kefahaman tentang kesusasteraan selalu dihubungkan dengan karya-karya yang ditulis, iaitu hasil daripada peradaban satu-satu masyarakat. Pengertian sedemikian lebih tepat bagi berbicara mengenai apa yang dikatakan 'persuratan' - kegiatan penulis, yang merangkumi segala bentuk ciptaan bertulis seperti buku-buku hukum atau undang-undang, ilmu pengetahuan umum, ilmu bintang dan lain-lain. Walaupun karya-karya puisi, roman dan drama, dapat juga dimasukkan ke dalam definisi persuratan ini, namun adalah kurang tepat untuk memasukkan karya-karya umpama sejarah, geografi, undang-undang sebagai tergolong ke dalam bidang kesusasteraan.

Kesusasteraan mempunyai nilai-nilai kehalusan, perasaan, intuiti, harapan, emosi dan lain-lain jenis unsur jiwa. Unsur kehalusan baik daripada sudut bentuk, isi dan maknanya merupakan sifat utamanya yang membezakan ia daripada karya-karya tertulis yang barangkali bercorak deskriptif dan informatif semata-mata.

Sifat ini berhubung rapat dengan sifat halus dan sensitifnya jiwa manusia. Manakala karya undang-undang misalnya sekadar ingin merakamkan peraturan-peraturan yang harus diingati oleh pembaca-pembacanya sebagai panduan bertindak, sebuah hasil sastera berbicara lebih daripada itu. Pengarangnya ingin mengemukakan perasaan dan pengalamannya dan mengharapkan semua pembacanya sama berkesan. Langsung bentuk dan bahasa yang digunakan harus tepat dengan tujuannya, baik secara disengajakan atau senada dengan hatinya dan akhirnya akan membuat pembaca sama-sama menikmati perasaan itu.

2.2 Kesusasteraan Dan Sifat-sifatnya.

Ciptaan kesusasteraan berbeza dengan ciptaan -ciptaan seni yang lain. Ia menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya. Melalui bahasa, keindahan kesusasteraan dapat dirasakan oleh pembacanya. Dengan bahasa juga mereka dapat menggarap isi dan tujuan sambil menhayati segala pengalaman dan perasaan yang tercurah.

Sesebuah hasil kesusasteraan yang bermutu tidak mempamerkan bahan atau menggunakan bahasa dan olahan yang indah sahaja tetapi seharusnya juga memiliki unsure-unsur intelek, tersirat dengan emosi dan perasaan, penuh dengan ekspresi dan imaginasi serta kaya dengan sifat-sifat kreatif. Penggunaan teknik yang baik dan menarik

juga merupakan faktor penting. Dengan cara inilah kesusasteraan dapat memikat khalayak pembaca.

Unsur-unsur intelek dalam kesusteraan bukan sahaja menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai bahan hiburan semata-mata, tetapi lebih penting sebagai bahan untuk pembaca mendapatkan pendidikan. Fikiran-fikiran yang ditimbulkan terutamanya aspek-aspek yang berhubung dengan soal-soal moral, kemasyarakatan, ekonomi dan politik, dapat dijadikan bahan renungan dan teladan kepada para pembaca.

Kadangkala kesusasteraan bertindak sebagai satu bentuk perhubungan. Ia akan menjadi tidak bererti sama sekali sekiranya tidak ditujukan kepada seseorang atau sekumpulan pembaca. Oleh kerana itu, ia harus bersifat positif dan mempunyai tugas-tugas tertentu. (Kamaruddin Hj. Husin, 1998: 1-2). Selanjutnya kita perhatikan sekalis pandang apakah yang dimaksudkan dengan pendidikan.

2.3 Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Pendidikan

Pendidikan adalah satu persoalan yang sama tua dengan wujudnya manusia. Hasil daripada perhubungan jantina, manusia menghasilkan keturunan yang terdiri daripada

generasi yang lebih muda yang pada peringkat permulaannya hidup dan dibesarkan di dalam kelompok yang sama. Hasil daripada kehidupan di dalam kelompok ini berakibatkan proses pendidikan supaya generasi muda itu akan dapat mengambil tempat generasi yang lebih tua manakala sampia giliran mereka. Dalam masyarakat yang primitive, pendidikan dijalankan pada sebahagian besarnya dengan melalui cara memelihara anak dan juga oleh ahli-ahli masyarakat yang hidup di dalam kelompok itu tetapi dalam masyarakat moden; pendidikan, pada sebahagian besarnya telah diserahkan kepada institusi tertentu - sekolah. (Atan Long 1982: 23).

Pendidikan adalah proses dan aktiviti vertujuan untuk menghasilkan perubahan an yang dikehendaki di dalam diri seseorang. Perkataan "dikehendaki" membawa unsure nilai. Siapa yang menentukan perubahan sebgaimana yang dikehendaki? Penentuan ini dibuat oleh masyarakat.

Satu-satu masyarakat itu terdiri daripada individu yang telah hidup saling bertindak semenjak beberapa lama dengan mempunyai kebudayaan dan merupakan keseluruhan cara hidup yang meliputi kepercayaan, agama, sikap, pandangan hidup, aspirasi, nilai dan ilmu pengetahuan yang telah diwarisi turun-temurun itu merupakan kebijaksanaan satu-satu masyarakat dalam kehidupan sehari-hari. Kebudayaan satu-satu

masyarakat itu dilanjutkan lagi kepada generasi muda yang dibentuk menerima aturan hidup bermasyarakat supaya dapat diterima sebagai ahli masyarakat. Oleh yang demikian pendidikan adalah merupakan pengaruh ke atas diri seseorang yang diadakan oleh satu aspek alam sekeliling yang mendatangkan kesan dalam pembentukan sahsiah seseorang itu. (Atan Long 1982: 25).

Menurut Crow dan Crow (1983: 5-6), ilmu pengetahuan yang diperoleh secara tidak disedari dan yang berhubung rapat dengan kehidupan kita sehari-hari biasanya dikatakan sebagai pendidikan tidak formal. Pelajaran yang telah dirancang dikatakan pendidikan formal, atau pembelajaran sekolah. Aspek pendidikan yang kedua inilah yang biasa difikirkan oleh orang, bila mereka bertanya tentang taraf pendidikan seseorang itu. Ahli psikologi dan pendidikan tidaklah pula hendak mengecilkan betapa pentingnya pembelajaran dalam kehidupan seseorang. Mereka mengenal akan nilai dengan menggunakan prinsip psikologi dalam percubaan mereka menolong para belia (dan kadang-kadang orang dewasa) untuk mendapatkan faedah dari pengalaman pendidikan formal selagi kebolehan dan minat seseorang itu mempengaruhi pencapaian yang berjaya.

Dari pandangan psikologi, pendidikan bererti perubahan dan boleh dianggap samaada sebagai proses atau sebagai hasil. Pendidikan sebagai satu proses meliputi semua bentuk kegiatan yang menampakkan seseorang itu untuk hidup bermasyarakat dan

yang menolong menyalurkan adat resam, undang-undang, kepercayaan agama, bahasa, dan institusi social dari stu generasi kepada gemerasi yang lain. Hasil pendidikan yang diingini adalah terlaksana apabila pemikiran dan tingkah laku memenuhi keperluan seseorang dan kebajikan kumpulan itu. Dari itu pendidikan merupakan satu proses berkenaan dengan diri dan masyarakat yang menambah kemajuan peribadi dan juga penghidupan soial.

Dari segi Islam, kanak-kanak yang dilahirkan dianggap suci dan tidak berdosa. Kanak-kanak dianggap "kain putih" dan pengaruh daripada ibapa dan masyarakat akan mewarnakan sahsiah kanak-kanak itu. Pepatah Melayu mengatakan "melentur buluh biarlah dari rebungnya" menekankan pentingnya pendidikan perlu diberi kepada kanak-kanak semasa masih kecil lagi dan dengan "pelenturan" itu, memperlihatkan cara pendidikan yang tidak secara memaksa tetapi dengan beransur-ansur, tegas kea rah yang dikehendaki.

Daripada sikap terhadap kanak-kanak dan juga corak pendidikan yang dihasilkan daripada sikap itu ternyata pendidikan baik dalam apa bentuk pun adalah merupakan proses atau akiviti yang bertujuan untuk menghasilkan perunbahan yang dikehendaki

dalam diri tiap-tiap ahli masyarakat. Sifat yang "dikehendaki" itu adalah ditentukan oleh masyarakat tempat kanak-kanak itu dilahirkan dan dibesarkan. (Atan Long 1982: 27).

Kesimpulannya daripada hasil berbagai-bagai ulasan, pendapat dan pengertian beberapa pakar dan ahli-ahli pendidik itu dapat kita membuat kesimpulan dan rumusan bahawa pendidikan itu adalah segala usaha, segala tenaga yang dicurahkan, segala gerak langkah yang dijalankan, segala pendapat yang diketengahkan yang dapat menambah kemahiran, kebolehan, pengetahuan dan pengalaman yang dapat memberi faedah dalam semua lapangan hidup. Demikian juga pendidikan akan dapat membantunya serta memberi pertolongan dan dorongan supaya yang dididik itu maju, insaf, sedar, bergerak dan bertindak dengan sihat bagi faedah dirinya, masyarakat, bangsa dan negaranya. Seterusnya bagaimana pula pendidikan dalam pengertian tersebut melalui sastera? Berikut dihuraikan seperlunya.

2.4 Pendidikan Melalui Sastera

Penikmatan sastera adalah satu perkara peribadi dan tidak boleh dipaksa. Ia juga tidak boleh diukur kecuali melalui pemerhatian pada apa yang dipilih oleh individu untuk dibaca apabila bebas memilih untuk diri dirinya sendiri. Ini ialah hakikat yang sangat penting pada guru sastera. Hampir menjadi satu ketentuan bahawa sastera patut dikaji untuk penikmatan dan tidak digunakan sebagai satu perantaraan untuk latihan garis kasar

atau praktis dalam analisa nahu atau sinteks. Terlalu menitikberatkan pada ketepatan tentang takrif perkataan yang muncul dalam suatu petikan yang dibaca dalam bilik darjah mungkin membunuh penikmatan pada keindahan pada keindahan petikan karangan itu, sekalipun dengan itu perbendaharaan kata pelajar boleh dibaiki. Ini tidak bermakna bahawa sesetengah perkataan dalam satu petikan tidak memerlukan penerangan untuk difahami, tetapi analisa perkataan patut menjadi satu cara menjelaskan makna dan tidak sebagai matlamatnya. (Crow dan Crow 1983: 555)

Bahan sastera memiliki daya tarikan yang dapat menumbuhkan dan mengekalkan minat membaca. Ini disebabkan oleh sifat karya sastera itu sendiri yang selalunya memiliki ciri-ciri menghibur. Karya sastera yang bercorak cereka mengandungi plot yang dapat memikat hati pembaca untuk menatapnya. Dengan itu, bahan bacaan yang merupakan petikan, bukan sahaja akan menyebabkan pelajar gemar menatapnya, malah menyebabkan mereka mencari karya asal yang lengkap untuk menyambung pembacaannya.

Dalam keadaan ini, bahan sastera adalah bahan pengajaran bahasa yang berkesan. Bahasa yang baik dan menarik akan menyebabkan timbulnya rasa bangga di hati penggunaannya. Kebanggaan terhadap bahasa Melayu adalah salah satu objektif pendidikan bahasa Melayu. Bahasa yang kering atau lurus, walaupun memiliki ciri-ciri